

Headline	KPDNKK pantau peniaga cekik darah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	48	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	308 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,087
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,261



KPDNKK pantau peniaga cekik darah

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengingatkan semua peniaga bahawa mereka akan sentiasa dipantau daripada aktiviti mengambil keuntungan berlebihan serta tidak mengikut etika sepatutnya khususnya ketika menjelang Aidilfitri tidak lama lagi.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, tindakan mereka akan sentiasa diperhatikan pegawai penguat kuasa KPDNKK yang ditempatkan di lokasi tumpuan seperti pasar awam, pasar pagi serta pasar tani untuk melakukan pemeriksaan.

Katanya, tindakan tegas akan diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan 2011 sekiranya mana-mana peniaga terbit gagal mematuhi peraturan ditetapkan.

"Pegawai penguat kuasa KPDNKK akan berada di lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai seperti pasar awam, pasar pagi dan pasar tani untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.

"Ini adalah tindakan berterusan bagi melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga yang tidak beretika ketika musim perayaan," katanya ketika mengumumkan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) sempena Aidilfitri 2017, di sini, semalam.

Skim yang dilaksanakan selama 14 hari berkuat kuasa

17 Jun itu menyenaraikan sebanyak 21 jenis barangan antaranya ayam, telur, daging lembu, cili merah, tomat, kubis bulat import, kelapa, bawang merah serta

...^{hawa} besar Hamzah berkata, harga maksimum ditentukan di peringkat pengeluaran, borong dan runcit dalam rantaian

pengedaran mengikut kesesuaian.

"Penentuan ini dibuat supaya penguatkuasaan kawalan harga lebih berkesan dan penawaran harga yang berpatutan untuk barangan perlu bagi manfaat pengguna dan peniaga.

"Ia juga ditentukan melalui pemantauan harga di seluruh negara sepanjang tahun lalu dan Januari hingga Jun tahun ini selain pandangan daripada pelbagai agensi kerajaan.

"Kita juga berbincang dengan pengeluar, pengimport, pembekal dan pemborong barangan berkenaan," katanya.

Mengenai isu penutupan pusat kecergasan True Fitness Malaysia dan True Spa Malaysia, Hamzah berkata, ahli pusat terbabit boleh membuat aduan dan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna.

Headline	KPDNKK pantau peniaga cekik darah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	48	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	308 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,087
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,261

Infu

SENARAI 21 BARANGAN TERKAWAL

1. Ayam hidup
2. Ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya)
3. Ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)
4. Telur ayam gred A
5. Telur ayam gred B
6. Telur ayam gred C
7. Daging lembu tempatan (tidak dikawal di Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan)
8. Daging lembu import (dikawal di Sarawak saja)
9. Daging kerbau import (India) (tidak dikawal di Sarawak)
10. Cili merah
11. Tomato
12. Kubis bulat import (Indonesia dan China kecuali kubis Beijing)
13. Kelapa biji (dikawal peringkat borong saja)
14. Kelapa parut (dikawal peringkat runcit saja)
15. Bawang merah kecil (India)
16. Bawang putih (China)
17. Bawang besar import
18. Ubi kentang import (China)
19. Ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)
20. Ikan selayang (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)
21. Ikan aya/tongkol (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram) (dikawal di Pahang, Terengganu dan Kelantan saja)

- BERNAMA



Ini adalah tindakan berterusan bagi melindungi pengguna Hamzah Zainudin